


5H4M SHANGHAI + YIWU SHOPPING



YIWU MOSQUE MERUPAKAN ANTARA MASJID TERBESAR DI CHINA TIMUR, DIBINA KHAS UNTUK MEMENUHI KEPERLUAN KOMUNITI MUSLIM TEMPATAN DAN ANTARABANGSA YANG SEMAKIN BERKEMBANG DI YIWU.

5H4M

SHANGHAI + YIWU SHOPPING



HARI 01 KUALA LUMPUR - SHANGHAI

MM

Berkumpul di KLIA untuk menaiki penerbangan ke Shanghai.

Tiba di Shanghai, bertolak untuk lawatan di **Shanghai**:

- **Little Peach Mosque**: Masjid terbesar yang terletak di kawasan Huangpu ini adalah berhampiran dengan kawasan bersejarah Chenghuangmiao (Kuil Chenghuang). Masjid ini adalah pusat penting bagi komuniti Muslim di Shanghai dan menjadi simbol perpaduan serta identiti Islam di kota metropolitan ini.
- **Chenghuang Temple Business District**: Dikenali sebagai Yuyuan Tourist Mart atau Yuyuan Bazaar, adalah sebuah kawasan perniagaan dan pelancongan yang terkenal di Shanghai, China. Terletak berhampiran dengan Kuil Chenghuang (City God Temple), kawasan ini adalah destinasi popular untuk membeli-belah, makan, dan mengalami kebudayaan tradisional Cina.

Bermalam di **Shanghai**.

HARI 02 SHANGHAI - YIWU

SP/MT/MM

Lawatan di **Yiwu**:

- **Yiwu Mosque** merupakan antara masjid terbesar di China Timur, dibina khas untuk memenuhi keperluan komuniti Muslim tempatan dan antarabangsa yang semakin berkembang di Yiwu.
- **Fo Tang Ancient Town** terkenal dengan sejarah yang kaya dan budaya tradisional. Terletak di luar bandar Yiwu, ia mempamerkan rumah-rumah lama, jalan batu, dan seni bina klasik yang memikat. Suasana tenang dan pemandangan yang menawan menjadikan tempat ini ideal untuk merasai kehidupan zaman dahulu dan budaya tempatan.
- **Yiwu Night Market** adalah destinasi membeli-belah yang meriah di Yiwu, China. Ia terkenal dengan pelbagai produk, dari pakaian, alat elektronik, hingga barangan seni dan kraf. Suasana yang sibuk dan warna-warni, ditambah dengan pelbagai pilihan makanan jalanan, menjadikannya tempat yang popular untuk pengunjung menikmati pengalaman membeli-belah malam yang unik.

Bermalam di **Yiwu**.

HARI 03 YIWU - JIAXING

SP/MM

Lawatan di **Yiwu**:

- **Yiwu International Commodity City**: satu pasar borong terbesar di dunia. Terletak di Yiwu, Wilayah Zhejiang, China, pasar ini terkenal di peringkat antarabangsa kerana pelbagai pilihan produknya yang luas, menjadikannya pusat perdagangan global.
- Melawat ke **Jiaxing Yuehe Pedestrian Street** gabungan kedai-kedai yang menjual kraf tangan, cenderamata, snek tempatan yang lazat dan suasana romantis tepi terusan yang mempesona sepanjang hari

Bermalam di **Jiaxing**.

HARI 04 JIAXING - SHANGHAI

SP/MT/MM

Lawatan di **Shanghai**:

- Membeli-belah di **Silk Factory** dengan pelbagai rekabentuk yang disediakan disini, dari sarung bantal, alas katil, pakaian dan banyak lagi.
- **Pudong Mosque** ini mempamerkan gaya seni bina Arab kontemporari dengan luas keseluruhan 1,650 m² yang dapat menampung 500 orang sekaligus.
- **Asia Pacific Taobao City**: sebuah pasar bawah tanah yang besar dan sibuk, masih wujud hingga kini, menjual pelbagai jenis barangan fesyen, aksesori, cenderamata dan fabrik dengan harga berpatutan dan tawaran harga fleksibel - sesuai untuk pelancong atau pemborong.
- **Nanjing Pedestrian Street**: Jalan paling terkenal dan bersejarah di bandar ini dan sering dianggap sebagai pusat membeli-belah utama di Shanghai. Jalan ini dibahagikan kepada dua bahagian utama: Nanjing Road East (Nanjing Dong Lu) dan Nanjing Road West (Nanjing Xi Lu), yang bersama-sama membentuk destinasi membeli-belah dan hiburan yang paling popular di Shanghai.
- **The Bund**: sebuah kawasan dermaga yang telah wujud sejak awal abad ke-20, kini ia telah digazet sebagai tempat bersejarah di Shanghai. Terdapat banyak bangunan berbentuk gothik, baroque, neoclassical serta renaissance yang masih dapat dilihat dikawasan ini seperti bangunan HSBC, Bank of Taiwan dan banyak lagi.

Bermalam di **Shanghai**.

HARI 05 SHANGHAI - KUALA LUMPUR

SP

Lawatan di **Shanghai**:

- Meluangkan masa untuk membeli-belah di **Tongrentang Herb Center**, terkenal dengan reputasi unggul dalam perubatan herba klasik untuk penjagaan dalaman dan luaran – termasuk ginseng, goji berry, cordyceps, dan pelbagai ramuan tonik.

Penerbangan pulang ke Kuala Lumpur

PERTUKARAN MATA WANG



CHINESE YUAN
CNY 1 = RM 0.65



PERBEZAAN WAKTU

China: GMT+8 | Malaysia: GMT+8



Musim Panas:

Jun - Ogos



Musim Luruh:

Sept - November



Musim Sejuk:

Disember - Feb



Musim Bunga:

Mac - Mei



TOUR HIGHLIGHTS

1.



THE BUND

Pemandangan senibina bangunan bersejarah yang indah dan mencerminkan perpaduan gaya eropah klasik dan art deco.

2.



YIWU INTERNATIONAL COMMODITY CITY

Satu pasar borong terbesar di dunia. Terletak di Yiwu, Wilayah Zhejiang, China, pasar ini terkenal di peringkat antarabangsa kerana pelbagai pilihan produknya yang luas, menjadikannya pusat perdagangan global.

3.



NANJING PEDESTRIAN STREET

Jalan Nanjing ialah jalan paling sibuk di Shanghai. Ia merupakan jalan komersial moden pertama di China.

4.



JIAXING YUEHE PEDESTRIAN STREET

Gabungan kedai-kedai yang menjual kraf tangan, cenderamata, snek tempatan yang lazat dan suasana romantis tepi terusan yang mempesona sepanjang hari.

Hotel Penginapan 3* Hotel

BANDAR	BIL. MALAM
Shanghai	1 Mlm
Yiwu	1 Mlm
Jiaxing	1 Mlm
Shanghai	1 Mlm

Jadual Penerbangan



HARI	PESAWAT	SEKTOR	ETD	ETA
1	MH 388	KUL - PVG	0840	1415
5	MH 389	PVG - KUL	1605	2150

Harga Pakej Termasuk

- Tiket penerbangan kelas ekonomi termasuk surcaj minyak dan cukai penerbangan.
- Penginapan hotel bertaraf 3* sepanjang lawatan termasuk cukai bandar (city taxes).
- Sarapan pagi di hotel, makan tengahari dan makan malam sepanjang lawatan mengikut aturcara.
- Pengangkutan bas persiaran berhawa dingin yang selesa.
- Perkhidmatan ketua rombongan dan pemandu pelancong yang professional.
- Tip pemandu pelancong dan pemandu bas persiaran.

Harga Pakej Tak Termasuk

- Insurans pelancongan.
- Surcaj tambahan ketika waktu perayaan, puncak dan cuti sekolah.
- Servis tambahan di hotel seperti snek, mini bar, dobi dan porter.
- Makan minum, tiket masuk lawatan dan tempat lawatan selain dari yang dinyatakan.
- Bayaran tambahan lebihan had bagasi penerbangan.
- Perkara lain selain dari yang dinyatakan di dalam aturcara dan pakej termasuk.